

Suraya ikhlas walau tak sempurna

Wanita hidap glaukoma buat jualan bantu anak rumah amal

KUALA LANGAT - Hasrat seorang wanita yang ingin melihat hasil pakaian yang dijahit habis dijual dalam jualan amal di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang diharap tercapai sebelum kedua-dua matanya buta akibat penyakit glaukoma.

Suraya Abu Bakar, 33, mempunyai impian besar mahu membantu 10 anak yatim Rumah Amal Asy Syathbie, Batu 7 Sijangkang yang ingin melanjutkan pendidikan tahlifz di Pondok Modern Gontor, Indonesia pada 12 Julai nanti.

Walaupun niat Suraya seolah-olah lebih mengutamakan orang lain daripada dirinya, namun dia telah berjanji untuk membantu golongan itu sebelum penglihatannya yang hanya berbalik 15 peratus itu sudah tidak berfungsi lagi.

Katanya, dia ditakdirkan ALLAH SWT berjumpa seorang guru jahitan yang juga pengasas rumah amal berkenaan, Sariffah Md Nor Rashid yang mengajaknya untuk turut serta menjahit hampir 4,000 pasang pakaian raya termasuk baju kurung moden (Saloma) dan jubah pelbagai saiz termasuk kanak-kanak semata-mata ingin memenuhi impian muridnya.

"Saya nak bantu anak yatim ini mendapat dana, melanjutkan pendidikan di sana, mungkin hari ni hari mereka. Bila saya dah buta nanti, saya



tak dapat jalankan kerja amal macam ni lagi."

"Ini saja keparahan saya ada dan bersyukur dapat siapkan hampir 40 pasang baju dalam sehari buat masa ini dan pakaian yang saya jahit tu dah ada dijual di No 140, Tingkat 4, GM Klang, Segi Fresh di Telok Panglima Garang dan Bazar Ramadan Taman Perwira," kata ibu empat anak berusia tiga hingga 9 tahun.

Suraya yang ditemui ketika menerjemah pakaian untuk dijual dalam jualan amal itu berkata, mujur dengan kekurangan itu, suaminya, Shaifulah Hamzah, 35, merupakan insan yang banyak menyokong usaha yang dilakukan hingga terpaksa berhenti kerja mengambil tempahan katering dari rumah mereka di Taman Banting Baru.

Mata kiri tidak berfungsi

Menceritakan detik bagaimana ALLAH menduganya hilang nikmat pancaindera, Suraya mula menitiskan air mata apabila memaklumkan dia sebenarnya boleh melihat dengan baik tanpa menggunakan cermin mata dan tidur dalam keadaan kedua-be-

“Saya nak bantu anak yatim ini mendapat dana melanjutkan pendidikan di sana, mungkin hari ni hari mereka. Bila saya dah buta nanti, saya tak dapat jalankan kerja amal macam ni lagi.”

- Suraya

lah matanya masih boleh melihat.

"Ketika itu, saya berusia 19 tahun dan belajar di sebuah kolej, tapi bila saya bangun tidur esok harinya, mata kiri saya gelap dan langsung tak boleh melihat.

"Lepas tu saya dapatkan periksaaan lanjut di hospital dan doktor sahkan saya menghidap glaukoma. Saya pastah apabila doktor cakap, penglihatan saya dijangka bertahan empat tahun lagi," katanya.

Selepas kejadian itu, dia terpaksa berhenti belajar di sebuah kolej dalam jurusan fesyen, namun masih bercita-cita membuat amal sehingga berjumpa dengan Sariffah di Lembaga Zakat Selangor Cawangan Banting, April lalu.

Baginya, jika orang buta boleh berusaha membantu orang lain dan memperoleh pendapatan sendiri, dia juga boleh berbuat demikian walau pun penglihatannya tinggal beberapa peratus sahaja lagi.

Lebih cekal, dia tidak mahu ada masyarakat merandang rendah terhadap usaha yang dilakukan hanya kerana anugerah penglihatannya dihentikan, tetapi melihat kepentingannya sebagai wanita yang sangat berjuang untuk membantu orang lain walau-



Suraya sedang menyelapupukan pakaian untuk dijual dalam jualan amal sambil diperhatikan Sariffah.

pun terdapat kekurangan diri.

Suraya berhasrat dana yang diperolehnya melalui kutipan jualan amal tersebut membolehkan anak Rumah Amal Asy Syathbie melanjutkan pengajian.

Baginya, penglihatan yang berbaki harus dimanfaatkan sebaiknya.

Kagum hasil kerja Suraya

Sementara itu, Sariffah memaklumkan, dia ditemurah dengan insan ikhlas ingin membantu anak yatim Rumah Amal Asy Syathbie selesa perburial santai di Lembaga Zakat Selangor Cawangan Banting, April lalu.

Pada pertemuan itu, dia bercerita perihal anak-anak Rumah Amal Asy Syathbie yang ingin melanjutkan pengajian, pada masa sama memberitahu dia seorang tukang jahit dan memiliki bengkel jahitan.

Menurutnya, dia terkejut apabila Suraya terus memberitahu berminat membantu mencari dana melalui menjahit dengan sedikit keparahan yang dia ada.

Sariffah pada mulanya bimbang jika Suraya tidak mampu menjahit pakaian dalam kuantiti banyak ke-

Kepada yang ingin menghulurkan bantuan bolehlah menyuluruk ke Akaua Hong Leong Islamic 18801004719 (Darul Asy Syathbie Enterprise) atau hubungi 01123813780 (Sariffah) dan 0176087224 (Suraya).

rana hanya bergantung pada penglihatan sebelah kirinya sahaja yang masih berfungsi.

Bagaimanapun, menurutnya, dia kagum dengan hasil kerja Suraya yang sangat kemas dan mampu menjahit mencecah 40 pasang pakaian.

Oleh itu, dia menganggap, itu sahaja cara untuk menunaikan hasrat wanita kuat semangat seperti Suraya yang menggunakan nikmat yang masih ada untuk menjahit.

"Kami memerlukan yuan pendahuluan sebanyak RM5,000 seorang dengan pengajian mereka selama enam tahun selain setiap bulan cari dana untuk pembayaran bulanan sebanyak RM500," katanya yang mengharapkan sumbangan daripada orang ramai sebelum tarikh kemasukan.



Sariffah (kiri) dan Suraya menunjukkan pakaian yang dijahit sendiri oleh mereka.



Suraya menyelapupukan pakaian di GM Klang.